

KERTAS STATUT 102 TAHUN 2017

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT / NEGARA MENURUT

STATUT



YAYASAN TUN RAZAK

LAPORAN TAHUNAN DAN
彭YATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

MAKLUMAT YAYASAN TUN RAZAK

AKTA PENUBUHAN

Undang-Undang Malaysia (Akta 178) - Akta Yayasan Tun Razak 1976

TARIKH PENUBUHAN

20 Februari 1976

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

YA Bhg. Tun Dr. Mohammed Hanif Omar	-	Pengerusi
Y Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh	-	Ahli
Y Bhg. Tan Sri Dato' Michael Chen Wing Sum	-	Ahli
Y Bhg. Tan Sri G.K. Rama Iyer	-	Ahli
Y Bhg. Tan Sri Dato' V.C. George	-	Ahli
Y Bhg. Dato' Hj. Mohd Nordin Idris	-	Ahli
YM Tunku Tan Sri Dato' Shahriman Tunku Sulaiman	-	Ahli
YA Bhg. Toh Puan Dato' Seri Dr. Hjh. Aishah Ong	-	Ahli
Y Bhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Bin Ayub	-	Ahli
Y Bhg. Dato' Agil Natt	-	Ahli
Y Bhg. Dato Hj. Hasbullah Yusof	-	Ahli
Encik Mohamed Ayaz Ismail	-	Ahli
Encik Abdullah Suhaimin Md. Yunus	-	Ahli (Wakil Perbendaharaan)
Tengku Harith Aziz	-	Setiausaha

PEJABAT

Yayasan Tun Razak
15.01, Level 15, 1 First Avenue
Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor

JURUAUDIT:-

Jabatan Audit Negara Malaysia
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

PERUNDING PERCUKAIAN:-

PricewaterhouseCoopers Taxation
Services Sdn. Bhd
Level 10, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50706 Kuala Lumpur

BANK:-

CIMB Bank Berhad
No.6, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

PENGURUS DANA:-

AmInvestment Services Berhad
Level 9-10, Bangunan AmBank Group
55 Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

LATAR BELAKANG YAYASAN TUN RAZAK (YTR)

Yayasan Tun Razak (YTR) telah ditubuhkan pada 20 Februari 1976 di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178) sebagai penghargaan terhadap jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak yang begitu banyak kepada agama, bangsa dan negara.

YTR diurus dan ditadbir oleh sebuah Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak yang mempunyai kuasa dan budibicaranya sendiri untuk menentukan Yayasan berada dalam pengurusan yang baik dan menjalankan aktiviti berdasarkan kepada objektif penubuhannya.

Ahli-ahli Lembaga Yayasan Tun Razak adalah terdiri dari:-

- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong;
- (b) seorang wakil Perbendaharaan; dan
- (c) tidak lebih daripada lapan belas ahli lain yang dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Pengerusi.

OBJEKTIF

Tujuan Yayasan ditubuhkan adalah untuk:-

- mengekalkan nama baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
- mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
- menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia;
- menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa; dan
- memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

LAPORAN PENGERUSI 2016

Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak, sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak (YTR) pada 31 Disember 2016.

LAPORAN KEWANGAN

YTR merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang diletakkan dibawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. YTR tidak menerima peruntukan tahunan kerajaan, namun Kementerian Kewangan sekali sekala memberi sumbangan penganjuran aktiviti, jika permohonan dibuat. Perbelanjaan mengurus dan menjalankan aktiviti-aktiviti dibiayai oleh sumber janaan sendiri dan tajaan sektor korporat. Bagi tahun 2016, YTR membayar cukai pendapatan tahunan pada kadar cukai korporat semasa iaitu 24%.

Secara ringkas kedudukan kewangan YTR bagi tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti berikut:-

	2016 (RM)	2015 (RM)
Hasil	3,283,618	3,629,003
Perbelanjaan & Susutnilai	1,078,424	707,823
Jumlah Aset	67,133,727	65,183,839

Jumlah pendapatan kasar pada tahun 2016 adalah sebanyak RM3,283,618 berbanding RM3,629,003 pada tahun 2015. Perbelanjaan juga meningkat kepada RM1,078,424 berbanding RM707,823 pada tahun sebelumnya kerana terdapat program dan inisiatif baru dilaksanakan serta pertambahan bilangan penerima bantuan persekolahan.

Pendapatan utama dijana melalui pulangan pelaburan kewangan yang dikendalikan bank pelaburan dan dividend daripada syarikat bersekutu YTR dan KWSP, iaitu YTR Harta Sdn Bhd yang menguruskan penyewaan ruang pejabat di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Menara YTR mencatat kadar penghuniaan melebihi 90% dan kedudukan kewangan YTR Harta Sdn Bhd adalah baik serta mampu mengisyiharkan dividend tahunan yang membanggakan pemegang saham. YTR sekali sekala menerima sumbangan syarikat korporat menerusi tajaan sesuatu program yang dianjurkan.

Saiz dana pelaburan yang bermula dengan RM4 juta kini telah berkembang kepada RM40 juta pada akhir tahun 2016. YTR tidak mempunyai anak syarikat atau terlibat dalam bidang perniagaan dan hasil utama adalah melalui sumber dinyatakan di atas. Semua bentuk pelaburan kewangan adalah dilaksanakan setelah mendapat kelulusan YB Menteri Kewangan.

AKTIVITI DAN PERKEMBANGAN SEMASA

2016 merupakan ulang tahun ke 40 penubuhan YTR. Bersempena dengan ulang tahun ini, YTR menerbitkan sebuah buku bertajuk '*Fulfilling a Legacy*'. Antara lain, ia memaparkan aktiviti-aktiviti YTR serta kejayaan yang dicapai individu yang telah mendapat manfaat daripada YTR. Ia turut memuatkan pengalaman peribadi tokoh-tokoh yang rapat dengan Allahyarham Tun Razak dan juga temubual bersama beberapa orang penerima Anugerah Tun Razak.

Penganjuran aktiviti tahunan berimpak tinggi seperti Program Kepimpinan Tun Razak dan juga bantuan persekolahan kepada pelajar luar bandar ditambahbaik, dengan pertambahan penyertaan. Bilangan penerima bantuan akan bertambah 200 orang setiap tahun. Anugerah kepada Pelajar Terbaik Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA juga diteruskan.

Setiap tahun kira-kira 70 orang Alumni Yayasan Tun Razak telah menamatkan pengajian mereka di universiti dan memasuki pasaran pekerjaan. Mereka kini berkhidmat dengan para penaja pengajian mereka di sektor korporat atau awam dan selebihnya sebagai pegawai perubatan di hospital-hospital kerajaan.

Sepanjang 2016, Alumni Yayasan Tun Razak turut menganjurkan persidangan berkaitan bina upaya professional muda. Ketua-ketua eksekutif syarikat korporat ternama turut serta menyakan inisiatif tersebut. Program-program seumpama ini diharap dapat memberi inspirasi kepada generasi muda.

PENUTUP

Akhir kata, YTR merakamkan ucapan penghargaan kepada Ahli Lembaga, YBhg. Prof Emeritus Dato' K. J. Ratnam yang menamatkan perkhidmatan pada bulan Julai 2016. Beliau telah memberi sumbangan bakti kepada YTR sejak tahun 2001.

Di kesempatan ini, Lembaga juga ingin merakamkan penghargaan kepada syarikat-syarikat korporat yang sudi membantu dan pengurus dana yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pengurusan portfolio pelaburan YTR. Harapan kami adalah agar YTR dapat sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada negara, mengikut kemampuannya.

Sekian, terima kasih.



(TUN DR. MOHAMMED HANIF OMAR)



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
YAYASAN TUN RAZAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 13.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan Tun Razak pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Yayasan Tun Razak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Yayasan Tun Razak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Yayasan Tun Razak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178). Lembaga Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Yayasan Tun Razak yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Yayasan Tun Razak, Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan Tun Razak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Yayasan Tun Razak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Yayasan Tun Razak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan

prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan Tun Razak.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pemegang Amanah, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Yayasan Tun Razak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Yayasan Tun Razak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Yayasan Tun Razak memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pemegang Amanah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Yayasan Tun Razak telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Yayasan Tun Razak telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari


2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pemegang Amanah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Yayasan Tun Razak pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Yayasan Tun Razak bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pemegang Amanah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(RAFTAH MINTI IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 OGOS 2017



YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA
PEMEGANG AMANAH**

Kami, TUN MOHAMMED HANIF OMAR dan DATO' HASBULLAH YUSOF yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAYASAN TUN RAZAK dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan YAYASAN TUN RAZAK pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : TUN MOHAMMED HANIF OMAR

PENGURUSI
LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN TUN RAZAK

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : DATO' HASBULLAH YUSOF

AHLI
LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN TUN RAZAK

Tarikh : 9 Ogos 2017
KUALA LUMPUR

Tarikh : 9 Ogos 2017
KUALA LUMPUR

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN YAYASAN TUN RAZAK**

Saya, TENGKU MOHD HARITH TG. AB. AZIZ, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan YAYASAN TUN RAZAK, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada 9 Ogos 2017

>1mu



Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 019-6680745

YAYASAN TUN RAZAK
 (Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016

	<u>NOTA</u>	<u>2016</u> (RM)	<u>2015</u> (RM)
			Dinyatakan Semula
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	6	860
Aset Tak Ketara	5	432,000	-
Pelaburan Hartanah	6	1	1
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	7	25,079,013	25,079,013
ASET SEMASA			
Inventori	8	227,878	228,930
Bayaran Kemajuan	9	-	429,843
Penghutang Pelbagai	10	8,087	19,039
Cukai Tertunda		649,585	663,712
Pelaburan	11	40,049,245	34,616,008
Tunai dan Kesetaraan Tunai	12	687,912	4,146,433
Jumlah Aset Semasa		41,622,707	40,103,965
Jumlah Aset		67,133,727	65,183,839
EKUITI			
Rezab Penilaian Semula		29,504,720	29,504,720
Lebihan Pendapatan Terkumpul		37,523,736	35,574,146
		67,028,456	65,078,866
LIABILITI SEMASA			
Pembiutang Pelbagai dan Cagaran Diterima		5,271	4,973
Derma Dana Pelaburan	13	100,000	100,000
Jumlah Liabiliti Semasa		105,271	104,973
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		67,133,727	65,183,839

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	<u>NOTA</u>	<u>2016</u> (RM)	<u>2015</u> (RM)
Hasil	14	3,283,618	3,629,003
		<hr/> <u>3,283,618</u>	<hr/> <u>3,629,003</u>
Pendapatan Lain :			
Keuntungan / (Kerugian) Tidak Terealisasi dari			
Pasaran Wang		39,833	(154,290)
Perbelanjaan Kakitangan	15	(302,055)	(235,505)
Perbelanjaan Operasi Yang Lain	16	(775,515)	(470,908)
Susutnilai Peralatan	4	(854)	(1,410)
Keuntungan Sebelum Cukai		<hr/> <u>2,245,027</u>	<hr/> <u>2,766,890</u>
Cukai Dikenakan	17	(295,437)	(48,580)
Keuntungan Selepas Cukai		<hr/> <u>1,949,590</u>	<hr/> <u>2,718,310</u>

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	REZAB PENILAIAN SEMULA RM	LEBIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL RM	JUMLAH RM
Baki pada 1 Januari 2015	29,504,720	32,855,836	62,360,556
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	-	2,718,310	2,718,310
Baki Pada 31 Disember 2015	29,504,720	35,574,146	65,078,866
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	-	1,949,590	1,949,590
Baki Pada 31 Disember 2016	29,504,720	37,523,736	67,028,456

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
 (Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	2016 (RM)	2015 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Penerimaan Pendapatan Lain Dari Pelaburan	52,969	-
Penerimaan Faedah Dari Pelaburan	1,111,780	1,129,744
Penerimaan Keuntungan Dari Jualan Saham Tersiarharga	525,176	295,791
Penerimaan Dividen Atas Pelaburan Saham Tersiarharga	169,338	297,763
Penerimaan Dividen Dari Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	874,000	1,710,000
Penerimaan Dividen Dari Pelaburan Unit Amanah	452,226	139,087
Penerimaan Tunai Dari Penghutang Pelbagai	10,952	-
Penerimaan Sewa Peralatan Pejabat	43,810	43,810
Penerimaan Dari Cukai Tertunda	-	125,085
Pembayaran Tunai Membeli Pingat	(8,425)	-
Kerugian Atas Pelunasan Bon	(42,480)	(70,796)
Pembayaran Tunai Kepada Pekerja Dan Perbelanjaan	(993,170)	(645,086)
Pembayaran Tunai Kepada Pembiutang Pelbagai	(4,973)	(25,750)
Perolehan Tunai Dari Operasi	2,191,203	2,999,648
Pembayaran Cukai	(281,310)	(127,603)
Tunai Bersih Diperolehi Dari Aktiviti Operasi	1,909,893	2,872,045
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pengeluaran Tunai Dari Pelaburan	(610,000)	(295,000)
Perolehan Dari Jualan Saham Tersiarharga	13,310,471	8,491,713
Pembelian Saham Tersiarharga	(13,117,983)	(10,311,834)
Pelaburan Debt Securities	(4,975,893)	(28,492,011)
Kurangan Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(5,393,405)	(30,607,132)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN		
Derma Diterima Secara Tunai	24,991	1,040
Lebihan Tunai Bersih Dari Aktiviti Kewangan	24,991	1,040
(Pengurangan)/Penambahan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai	(3,458,521)	(27,734,047)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	4,146,433	31,880,480
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	687,912	4,146,433

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

1. MAKLUMAT AM

1.1. YAYASAN DAN AKTIVITI UTAMA

Yayasan Tun Razak (YTR) ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak (Akta 178) pada 28 Oktober 1976. Objektif penubuhannya adalah untuk mengekal nama baik, mengenang jasa dan meneruskan hasrat YAB Tun Abdul Razak, menggalakkan persefahaman dan keamanan antara kumpulan dan bangsa serta memperbaiki standard pelajaran dan taraf hidup rakyat. Untuk mencapai objektif tersebut, pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya penganugerahan Anugerah Tun Abdul Razak kepada individu atau sesbuah pertubuhan yang telah menyumbang perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat, Anugerah kepada pelajar terbaik Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA, Program Kepimpinan Tun Razak bagi pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia, bantuan persekolahan, penerbitan buku serta video biografi Tun Abdul Razak, aktiviti kebajikan dan sebagainya. YTR diberi kuasa untuk menerima, mengumpul dan mengurus dananya sendiri.

1.2. JUMLAH KAKITANGAN

YTR mempunyai 3 orang kakitangan pada akhir tahun kewangan selain daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah.

1.3. ALAMAT BERDAFTAR

Yayasan Tun Razak,
Memorial Tun Abdul Razak,
Jalan Perdana,
50480 Kuala Lumpur.

1.4. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disahkan oleh Lembaga Pemegang Amanah pada 9 Ogos 2017.

2. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan disediakan atas asas harga kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan dengan berpandukan kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

(b) Peralihan kepada MPERS

Pada tahun-tahun sebelumnya, penyata kewangan telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS). Bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2016, YTR telah menerima pakai piawaian pelaporan perakaunan baru iaitu Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Tarikh peralihan kepada rangka kerja MPERS adalah pada 1 Januari 2015.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

2. DASAR PERAKAUNAN (SAMB'N)

(b) **Peralihan kepada MPERS (Samb'n)**

Peralihan kepada MPERS mempunyai kesan kewangan kepada penyata kewangan YTR. Penyesuaian berikut menunjukkan kesan peralihan kepada MPERS atas ekuiti YTR.

	PERS	KESAN PERALIHAN KEPADÄ MPERS	MPERS
<u>Ekuiti</u> Derma Dana Pelaburan	100,000	(100,000)	-
<u>Liabiliti Semasa</u> Derma Dana Pelaburan	-	100,000	100,000

(c) **Peralatan**

Peralatan bersih dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus dan diambil kira dari tarikh pembelian. Kosnya dimansuhkan di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:-

	Setahun
Perabot dan Perkakas	20%
Komputer	20%
Pengubahsuaian Pejabat	20%
Peralatan Pejabat	20%

Peralatan yang telah penuh disusutnilai masih ditunjukkan pada nilai buku bersih RM1.00 setiap satu.

(d) **Aset Tak Ketara**

Aset tak ketara diperoleh pada awalnya diiktiraf pada kos. Selanjutnya, ia diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Ia dilunaskan dengan memperuntukkan jumlah asset yang boleh dielakkan sepanjang anggaran hayat iaitu selama 10 tahun menggunakan garis lurus.

(e) **Pelaburan**

Pelaburan wang dan pelaburan dalam syarikat usahasama dinyatakan pada kos. Peruntukan hanya dibuat sekiranya ahli Lembaga berpendapat berlaku penurunan nilai yang kekal.

(f) **Inventori**

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh laksana bersih. Nilai boleh laksana bersih adalah jangkaan harga jualan pada urusniaga biasa perniagaan, tolak perbelanjaan jualan. Inventori meliputi buku-buku penerbitan dan barang siap. Kos diambil kira berdasarkan kaedah "First in First Out" (FIFO).

(g) **Penghutang**

Penghutang dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang ragu.

(h) **Liabiliti**

Pembiutang pelbagai dinyatakan pada kos.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

2. DASAR PERAKAUNAN (SAMB'N)

(i) **Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila ada obligasi dan undang-undang semasa, kesan daripada kejadian lepas, apabila ada kemungkinan aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan sebarang tuntutan daripada ikatan tersebut dan anggaran yang pasti tentang amaun yang boleh diperuntukkan.

(j) **Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit di dalam bank serta pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(k) **Cukai Pendapatan**

Cukai atas keuntungan atau kerugian pada tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangka akan dikenakan ke atas pendapatan tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang dikanunkan atau dikanunkan secara substantif pada tarikh kunci kira-kira, dan sebarang pelarasan ke atas cukai yang dijangka akan dikenakan berhubung dengan tahun-tahun lepas. Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda adalah diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara cukai kecuali yang terhasil daripada muhibbah atau muhibbah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti di dalam transaksi yang mana pada masa transaksi tersebut, tidak akan meninggalkan kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan bercukai.

(l) **Faedah Kakitangan**

Faedah Kakitangan Jangka Pendek

Gaji, bonus dan caruman sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh kakitangan.

(m) **Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan faedah, dividen dan lain-lain

Pendapatan faedah atau dividen dari simpanan tetap, saham tersiarharga dan debt securities diambilkira berdasarkan kaedah akruan.

(n) **Pendedahan nilai setara**

Tunai dan kesetaraan tunai, Penghutang niaga dan pelbagai penghutang, pembiutang niaga dan pelbagai pembiutang, pelaburan jangka pendek

Nilai dibawa adalah hampir menyamai nilai setara kerana tempoh matang yang pendek instrumen-instrumen ini.

Pelaburan jangka panjang

Nilai setara bagi pelaburan tersenarai adalah dianggarkan berdasarkan kepada harga yang disenaraikan dalam pasaran. Oleh itu nilai pelaburan ini adalah dinilaiakan pada kos dan adalah tertakluk kepada kejatuhan di dalam nilai.

YAYASAN TUN RAZAK
 (Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

3. RISIKO-RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

(a) **Risiko kecairan dan aliran tunai**

YTR sentiasa memastikan aktivitinya dijalankan pada tahap kecairan yang optima pada setiap masa agar cukup untuk menampung aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaannya. Oleh itu polisi ini adalah untuk memastikan operasi dan aktivitinya melalui pengurusan modal kerja yang cekap, akan berupaya untuk menukar aset-aset semasa kepada tunai untuk memenuhi segala permintaan bayaran dan pada masa yang ditetapkan. YTR juga akan berusaha menetapkan tahap kawalan kredit sentiasa berada dalam kemampuan untuk memenuhi keperluan kecairan di samping memastikan pengurusan modal kerja yang cekap.

(b) **Risiko pasaran**

YTR adalah terdedah kepada risiko pasaran yang terutamanya terdiri daripada perubahan di dalam harga pasaran pelaburan ekuitinya. Risiko kerugian adalah diminimumkan melalui analisa yang menyeluruh sebelum sebarang pelaburan dilakukan dan pengawasan yang berterusan ke atas pencapaian pelaburan tersebut. YTR mengoptimakan keuntungan dan faedah dari pelaburannya melalui penjualan dan pelupusan pelaburan selepas melakukan analisa yang menyeluruh.

(c) **Risiko kadar faedah**

YTR adalah terdedah kepada risiko kadar faedah iaitu risiko di mana nilai instrumen kewangan akan turun naik hasil daripada perubahan di dalam kadar faedah pasaran.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos	Komputer RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot dan Perkkas RM	Pengubah- suaian RM	Jumlah RM
Baki Awal pada 01.01.2016	19,952	22,127	177,664	322,908	542,651
Penambahan	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-
Baki Akhir 31.12.2016	19,952	22,127	177,664	322,908	542,651
Peruntukan Susutnilai Terkumpul	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Awal pada 01.01.2016	19,552	21,667	177,664	322,908	541,791
Caj pada tahun semasa	399	457	-	-	856
Pelarasian	-	-	(1)	(1)	(2)
Pelupusan	-	-	-	-	-
Baki Akhir 31.12.2016	19,951	22,124	177,663	322,907	542,645
Nilai Buku Bersih Pada 01.01.2016	400	460	-	-	860
Nilai Buku Bersih Pada 31.12.2016	1	3	1	1	6

YAYASAN TUN RAZAK
 (Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

5. **ASET TAK KETARA**

Kos	<u>MANUSKRIP</u>	
	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Baki Awal Pada 01.01.2016	-	-
Penambahan	480,000	-
Pelupusan	-	-
Baki Pada 31.12.2016	<u>480,000</u>	<u>-</u>
 Pelunasan Terkumpul		
Baki Pada 01.01.2016	-	-
Penambahan	48,000	-
Pelupusan	-	-
Baki Pada 31.12.2016	<u>48,000</u>	<u>-</u>
 Nilai Bersih Pada 01.01.2016	-	-
Nilai Bersih Pada 31.12.2016	<u>432,000</u>	<u>-</u>

Aset tak ketara adalah manuskrip dan hakcipta penulisan buku Biografi Tun Abdul Razak Negarawan dan Patriot. Baki tempoh pelunasan adalah 9 tahun.

6. **PELABURAN HARTANAH**

	<u>Penilaian/ Kos</u>	<u>Pelunasan Terkumpul</u>	<u>Pelupusan</u>	<u>Nilai Buku Bersih</u> RM	<u>Pelunasan Bagi Tahun Semasa</u> RM
	<u>2015</u> RM	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM	<u>2016</u> RM	<u>2016</u> RM
Tanah Pegangan Pajak	<u>25,806,975</u>	<u>3,351,550</u>	<u>22,455,424</u>	<u>1</u>	<u>-</u>
 2016					
Tanah Pegangan Pajak	<u>25,806,975</u>	<u>3,351,550</u>	<u>22,455,424</u>	<u>1</u>	<u>-</u>

Harta pelaburan YTR adalah sebidang tanah pegangan pajak selama 99 tahun yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1979. Pada 1 Disember 1995, YTR telah menandatangani satu perjanjian usahasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membangunkan tanah berkenaan dengan membina sebuah bangunan pejabat. Mengikut perjanjian usahasama, YTR dikehendaki memajakkan baki tempoh pajakan ke atas tanah berkenaan kepada syarikat usahasama dengan imbalan pajakan sebanyak RM1.

YAYASAN TUN RAZAK
 (Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Kos	25,079,013	25,079,013

Syarikat ini ditubuhkan di Malaysia sepetimana berikut:-

Nama Syarikat	Efektif Pegangan Ekuiti		Aktiviti Utama
	2015	2016	
YTR Harta Sdn. Bhd.	19%	19%	Pelaburan Hartanah

Jika piawaian ekuiti perakaunan digunakan, nilai pelaburan di bawah kehadapan adalah seperti berikut:-

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Kos saham tidak tersiar harga	25,090,223	25,090,223
Ditolak : Pengurangan Nilai Pelaburan	-	-
	<u>25,090,223</u>	<u>25,090,223</u>
Perkongsian rezab	-	-
	<u>25,090,223</u>	<u>25,090,223</u>
Dipersembahkan oleh:		
Perkongsian nilai bersih harta	-	-
	<u>25,090,223</u>	<u>25,090,223</u>

8. INVENTORI

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Buku "Tun Razak: Profile of a Patriot"	202,356	202,356
Buku "Tun Abdul Razak: A Personal Portrait"	20,467	21,686
Buku "Tun Abdul Razak: Potret Dalam Kenangan"	-	4,888
Pingat	5,055	-
	<u>227,878</u>	<u>228,930</u>

9. BAYARAN KEMAJUAN

Bayaran kemajuan adalah bayaran kepada penerbit buku yang masih dalam proses iaitu:-

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
- Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan Patriot	-	<u>429,843</u>

10. PENGHUTANG PELBAGAI

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Baki dari Ejen Jualan Buku	1,227	1,227
Deposit Sewa Pejabat	6,860	6,860
Sewa Belum Diterima	-	10,952
	<u>8,087</u>	<u>19,039</u>

YAYASAN TUN RAZAK
 (Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

11. PELABURAN

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Pelaburan Debt Securities	33,467,904	28,492,011
Pelaburan Tersiarharga	6,581,341	6,123,997
	<u>40,049,245</u>	<u>34,616,008</u>

Pelaburan dalam pasaran wang dibuat atas kebenaran YB Menteri Kewangan dan diurus oleh bank pelaburan. Pelaburan Debt Securities merangkumi langganan Bon Korporat, Sekuriti Kerajaan, Unit Amanah dan Simpanan Tetap. Pelaburan tersiarharga adalah saham-saham yang berstatus 'Trustee Stocks' di Bursa Malaysia.

12. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Tunai di Tangan	140	218
Tunai di Bank	687,772	4,146,215
	<u>687,912</u>	<u>4,146,433</u>

13. DERMA – DANA PELABURAN

Dana ini merupakan derma khas yang diterima untuk meningkatkan pegangan ekuiti dalam Syarikat YTR Harta Sdn. Bhd, sepermata dipersetujui oleh YTR dan KWSP.

YAYASAN TUN RAZAK
 (Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

14. HASIL

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Pendapatan Lain Dari Pelaburan	52,969	27,757
Derma Diterima	96,799	52,348
Pendapatan Faedah Dari Pelaburan	1,111,780	1,126,925
Keuntungan Dari Jualan Saham Tersiarharga	525,176	295,791
Pendapatan Dividen Atas Pelaburan Saham Tersiarharga	169,338	304,081
Pendapatan Dividen Atas Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	874,000	1,710,000
Pendapatan Dividen Atas Pelaburan Unit Amanah	452,226	139,087
Kerugian Dari Pelunasan Bon	(42,480)	(70,796)
Pendapatan Sewa Peralatan Pejabat	43,810	43,810
	<hr/> 3,283,618	<hr/> 3,629,003

15. PERBELANJAAN KAKITANGAN

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Gaji dan Bonus	252,631	193,644
Caruman KWSP	38,427	30,145
Insurans Kakitangan	9,680	11,074
Perubatan Kakitangan	1,317	642
	<hr/> 302,055	<hr/> 235,505

16. PERBELANJAAN OPERASI YANG LAIN

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Anugerah Pelajar Terbaik UKM dan UiTM	13,370	10,000
Program Kepimpinan Tun Razak	236,125	178,513
Bantuan Kewangan Pelajar dan Program Tanggungjawab Sosial	155,088	71,822
Program Latihan Alumni YTR	18,471	-
Derma	4,000	15,000
Projek Penulisan Buku	75,000	15,000
Elaun Pengurus dan Ahli Lembaga	74,202	37,936
Perbelanjaan Mesyuarat dan Kursus	10,581	8,100
Fi Pengurus Dana	71,808	51,308
Caj Bank	54	5
Percetakan dan Alatalis	3,090	4,070
Bayaran Audit - Tahun Semasa	5,271	4,973
- Terkurang Nyata Tahun Terdahulu	298	-
Bayaran Professional	12,700	12,700
Pengangkutan dan Perjalanan	4,836	5,051
Pelbagai	2,042	10,118
Telefon dan Internet	2,761	5,294
Pos dan Penghantaran	3,781	5,145
Selenggara Peralatan Pejabat	650	-
Kos Buku Dihapuskira	6,107	-
Sewa Pejabat dan Stor	16,960	33,350
Perbelanjaan Cukai Barang dan Perkhidmatan	10,320	2,523
Perbelanjaan Aset tak Ketara	48,000	-
	<hr/> 775,515	<hr/> 470,908

YAYASAN TUN RAZAK
 (Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

17. **CUKAI**

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Peruntukan Cukai Tahun Semasa	258,831	171,543
Peruntukan Terkurang/(Terlebih) Nyata di Tahun Sebelumnya	36,606	(122,963)
	<u>295,437</u>	<u>48,580</u>

Penyata penyesuaian cukai yang dikenakan ke atas keuntungan sebelum cukai pendapatan cukai berkanun dengan perbelanjaan cukai pada kadar cukai berkesan YTR adalah seperti berikut:-

	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
Keuntungan Sebelum Cukai	<u>2,245,027</u>	<u>2,766,890</u>
Cukai Pada Kadar Cukai Berkanun Malaysia		
Sebanyak 24% (2015 ; 25%)	538,806	691,723
Perbelanjaan Tidak Dibenarkan Untuk Unjuran Cukai	(8,616)	(8,661)
Peruntukan Terkurang /(Terlebih) Di Tahun Sebelumnya	36,606	(122,963)
Pengunaan Elaun Modal Dan Kerugian Diiktiraf Sebelumnya	<u>(271,359)</u>	<u>(511,519)</u>
	<u>295,437</u>	<u>48,580</u>